



# Paku Tanduk Rusa

## Ratu Paku Pakis

Klim tropika yang lembab dan panas pada sepanjang tahun menghendakikan kepelbagaian tumbuhan malar hijau yang beraneka ragam. Satu daripada kumpulan ini ialah tumbuhan paku pakis yang dijadikan sebagai tumbuhan hiasan. Antara spesies paku pakis yang makin menjadi tumpuan untuk dijadikan sebagai koleksi penggemar paku pakis termasuklah paku tanduk rusa yang dikenali sebagai ratu paku pakis.

Paku tanduk rusa atau Staghorn Fern ialah tumbuhan paku pakis jenis epifit yang hidup menumpang pada dahan pokok. Daun tumbuhan ini tebal berisi dan malar hijau. Nama saintifik tumbuhan ini, *Platycerium* berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *platys*, yang bermaksud lebar dan keras, tanduk, serta merujuk keadaan daun yang berbentuk tanduk yang terbentang luas. Paku tanduk rusa juga tidak mempunyai batang yang jelas.

Sebahagian besar paku tanduk rusa tumbuh di hutan hujan tropika dengan kadar kelembapan udara yang tinggi. Pokok ini menumpang pada cabang pohon besar dengan keadaan separa ternaung daripada pancaran cahaya matahari. Paku pakis yang bersaiz sederhana besar ini berasal daripada keluarga Polypodiaceae. Dengan ahli sekitar 18 spesies, penyebaran geografinya agak luas, iaitu meliputi kawasan tropika di Afrika, Asia dan Amerika Selatan.

Di Malaysia, ada empat spesies *Platycerium* yang tumbuh secara semula jadi di hutan, iaitu *P. coronarium*, *P. wallichii*, *P. holtumii* dan *P. ridleyi*. Spesies *P. coronarium* dan *P. ridleyi*

mempunyai taburan yang luas di seluruh negara manakala *P. wallichii* dan *P. holtumii* hanya didapati di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Dalam ilmu perubatan tradisional, daun tumbuhan

ini digunakan untuk mengubati luka, bengkak, bisul dan kudis pada anggota badan. Seduhan daun paku tanduk rusa juga dapat diminum untuk merawat demam.

Berdasarkan kepercayaan silam, paku tanduk rusa dikenali sebagai pokok jari langsuir. Seperti paku sarang burung (*Asplenium nidus*), tumbuhan ini dikatakan dijadikan sebagai tempat tinggal bagi makhluk halus sehinggakan orang tua dahulu melarang penanaman tumbuhan ini di rumah. Namun begitu, pada hari ini, paku tanduk rusa popular sebagai tanaman eksotik dan dianggap sebagai ratu dalam kalangan paku pakis disebabkan oleh penampilannya yang sangat istimewa. Secara relatifnya, saiz pokok ini lebih besar berbanding dengan paku pakis lain.





*Platycerium coronarium* adalah antara spesies paku tanduk rusa yang paling lazim ditemukan.



*Platycerium willinckii* dengan daun steril tirus runcing berupa jari.

Satu daripada ciri khas pada kerabat paku tanduk rusa ialah kewujudan dua jenis daun pada satu pokok, iaitu daun steril dan daun fertil, yang memiliki bentuk dan fungsi yang berlainan.

Daun steril berupa cuping lebar yang tumbuh tersusun dan saling melekap pada permukaan batang pohon. Sebagai daun penyangga atau perisai, fungsi daun ini adalah untuk melindungi bahagian akar dan memerangkap bahan organik, seperti daun kering untuk dijadikan sebagai sumber nutrien. Secara lazimnya, spesies *Platycerium* tanah rendah memiliki bentuk daun penyangga yang terbuka dan mengarah ke atas untuk membentuk corong atau sarang. Spesies *Platycerium* tanah tinggi pula cenderung memiliki daun penyangga yang lebih tertutup.

Apabila tua, daun steril ini kering dan ditutupi oleh cuping daun baharu. Akhirnya, daun ini menjadi humus sebagai makanan untuk diri sendiri dan anak tunasnya.

Daun fertil pula merujuk daun yang berbentuk tanduk bercabang yang lazimnya tumbuh berjurai ke bawah. Daun ini berwarna hijau keputih-putihan kerana diliputi oleh lapisan sisik atau bulu halus. Pada beberapa spesies, daun ini dapat tumbuh melebihi 90 cm panjang. Daun fertil berfungsi untuk tujuan pembiakan. Pada tumbuhan matang, hujung cabang daun fertil



Cuping daun steril yang muda.

terbentuk struktur yang dikenali sebagai sorus, iaitu tempat pembentukan spora. Sorus membebaskan spora yang halus seperti serbuk. Sebilangan spesies pula menghasilkan struktur berbentuk mangkuk yang dikenali sebagai kantung spora.

Kini, dengan teknologi pembaikbakaan, berpuh-puluh hibrid dan varieti baharu dihasilkan





Daun fertil bercabang seperti tanduk.

oleh penggemar paku tanduk rusa. Hal ini dilakukan menerusi teknik penggabungan spora dan mutasi genetik. Sebagai contohnya, *Platycerium Yanid* ialah hasil kacukan antara *P. hillii* dengan *P. willinckii*, manakala *Platycerium* Cass ialah satu daripada hibrid yang dihasilkan daripada gabungan dan kombinasi antara spora *P. grande*, *P. alciconze*, *P. sfemaria* dan *P. hillii*.

Paku tanduk rusa menjadi pilihan bagi penggemar hiasan taman dengan konsep hutan tropika. Walaupun tidak

mengeluarkan bunga dan buah, kehadiran juntaian daun yang bercabang cukup menyerlahkan suasana semula jadi taman. Pertumbuhan yang lambat dan kesukaran untuk mendapatkan anak benih menyebabkan harga paku pakis ini makin meningkat.

Paku tanduk rusa tidak memerlukan media tanah untuk hidup. Tumbuhan ini dapat diletakkan pada celah dahan atau batang pokok. Tumbuhan ini juga bukan parasit. Oleh sebab itu,

tumbuhan ini tidak menyerap nutrien atau melemahkan pokok perumah. Paku tanduk rusa juga dapat diikat pada papan kayu dengan menggunakan tali atau dawai. Kemudian, papan kayu ini digantung pada tiang pergola, dinding luar rumah, kawasan koridor dan balkoni apartmen.

Secara amnya, paku tanduk rusa ialah tumbuhan yang tidak cerewet untuk dijaga. Tumbuhan ini hanya perlu ditempatkan di kawasan terang yang terlindung daripada pancaran terik. Namun begitu, beberapa spesies tanah tinggi, seperti *P. madagascariense* dan *P. superbum* kurang sesuai ditanam di kawasan rendah di Malaysia.

Daun paku tanduk rusa yang lebar dan tebal turut berperanan sebagai



Kantung spora pada *P. coronarium*. Setelah matang, sorus membebaskan banyak spora berbentuk habuk halus yang dapat mencemarkan halaman rumah.

reservoir untuk penyimpanan air. Oleh sebab itu, tumbuhan ini tidak memerlukan penyiraman air sekerap tanaman hiasan lain. Lebih kurang dua kali penyiraman seminggu mencukupi.

Dari segi pembajaan, selain penggunaan baja yang dibeli, untuk mengekalkan kesuburan dan kehijauannya, memadai dengan meletakkan kulit pisang di paku tanduk rusa pada celah daun pada bahagian atasnya. 📌

Penulis Pegawai Penyelidik Prinsipal, Pusat Penyelidikan Teknologi Makanan, MARDI Kuching, Sarawak.